



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

TEKS UCAPAN

**YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL
TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**BERSEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PROGRAM KHALIFAH JUNIOR JABATAN
KEBAJIKAN MASYARAKAT TAHUN 2019**

**PADA
30 JUN 2019 (AHAD)**

**JAM
10.30 PAGI**

TEMPAT

**DEWAN DATO' MOHAMMAD SHAHIR
INSTITUT LATIHAN ISLAM MALAYSIA (ILIM)
BANGI SELANGOR**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

SALUTASI

(Akan dikemukakan kemudian setelah mendapat pengesahan)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima Kasih Saudara/i Pengacara Majlis;

PENDAHULUAN

1. Alhamdullilah, syukur kehadrat Ilahi kerana dengan Rahmat dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama pada hari ini dalam **MAJLIS PERASMIAN PROGRAM KHALIFAH JUNIOR JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT TAHUN 2019**.
2. Walaupun kita sudah menghampiri penghujung bulan Syawal, saya ingin mengucapkan **Selamat Hari Raya Aidil Fitri**, maaf zahir dan batin kepada semua yang hadir pada hari ini.
3. Sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada **Jabatan Kebajikan Masyarakat di atas kejayaan melaksanakan Program Khalifah Junior Tahun 2019**.

Saya dimaklumkan bahawa program ini merupakan kesinambungan tradisi penganjuran Program Khalifah Junior bagi tahun keempat secara berturut-turut.

Tahniah dan syabas saya ucapkan.

KOLABORASI STRATEGIK

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga kepada rakan strategik JKM, iaitu **Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM)**, **Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)** dan **Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur** di atas kesudian berkolaborasi bagi menjayakan Program Khalifah Junior kali ini.
5. Keterlibatan dan sumbangan yang diberikan amatlah dihargai untuk memastikan kesejahteraan kanak-kanak sebagai generasi pewaris masa hadapan.
6. Pada saya usaha ini selaras dengan kehendak Allah Taala melalui firman-Nya dalam Surah *al-Taghabun* ayat 15 yang bermaksud:

“Sesungguhnya hartamu dan anak-anakmu hanyalah ujian (bagimu), dan di sisi Allah-lah pahala yang besar”

Semoga kerjasama yang terjalin ini akan berterusan pada masa akan datang.

7. KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa mengalu-alukan mana-mana pihak yang berminat untuk menjalinkan kerjasama demi memperkasakan agenda kanak-kanak agar modal insan berkualiti pada masa hadapan yang memiliki nilai *Rabbani* dapat dilahirkan.

MENCONTOHI RASULLULLAH DALAM MENDIDIK ANAK MUDA

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Saya menyarankan kita mengambil contoh terbaik daripada Rasulullah S.A.W dalam mendidik sahabat-sahabat muda seperti:

Dua cucunda Baginda, Al-Hassan dan Al-Husin RadiallahuAnhuma.

Baginda menekankan peri pentingnya meninggalkan perkara yang meragukan dan menumpukan kepada perkara yang tidak diragui dalam sesuatu tindakan,

Rasulullah turut mendidik Jabir Bin Abdullah Radiallahuanhu tentang cara terbaik mengendalikan keluarga,

Baginda mendidik Muaz Bin Jabal Radiallahuanhu dalam mengendalikan urusan fatwa dan lain-lain sahabat muda seperti Anas Bin Malik, Abdullah Bin Abbas dan Abdullah Bin Omar Radiallahuanhum Ajma'in.

PROGRAM KHALIFAH JUNIOR JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT TAHUN 2019

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Saya dimaklumkan bahawa sepanjang tiga hari program ini berlangsung bermula dari **28 Jun 2019, seramai 250 orang kanak-kanak telah menyertai 13 acara yang dipertandingkan.**

Kanak-kanak ini terdiri daripada para penghuni institusi di bawah JKM dan wakil-wakil daripada Majlis Perwakilan Kanak-Kanak (MPKK).

Acara-acara yang terlibat adalah seperti hafazan al-Quran, pidato dakwah, laungan azan, khutbah dan sebagainya.

Saya harap anak-anak sekalian telah memanfaatkan peluang yang diberikan dalam program ini untuk mengasah bakat dan meningkatkan ilmu berkaitan nilai-nilai keagamaan.

Budaya kreatif berteraskan nilai-nilai agama Islam yang berpaksikan kepada al-Quran dan al-Sunnah perlu diteruskan untuk dijadikan sandaran oleh para pembimbing dalam mendidik anak-anak sekalian.

10. Program ini merupakan salah satu usaha untuk melibatkan kanak-kanak yang berada dalam institusi dengan kanak-kanak di luar institusi iaitu Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) dengan Majlis Perwakilan Kanak-Kanak (MPKK).
11. Melalui program ini, anda semua berpeluang untuk **bertemu dan berkongsi pengalaman bersama-sama dengan rakan-rakan dari institusi yang lain.**

Secara tidak langsung dapat mewujudkan ukhwah dan mengeratkan tali silaturrahim di antara satu sama lain.

12. Saya yakin Program ini mampu menggilap potensi dan keyakinan diri kanak-kanak. Saya juga percaya bahawa bakat dan kebolehan anak-anak ini boleh dipertingkatkan, dan tidak mustahil mereka akan mampu bersaing sehingga ke tahap yang lebih tinggi lagi.

INISIATIF PEMBANGUNAN KANAK-KANAK

Hadirin yang dihormati sekalian,

13. Kita sentiasa komited untuk **menguatkuasakan Akta Kanak-Kanak 2001 dan mempraktikkan amalan terbaik seperti yang terkandung dalam Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC).**

Konvensyen ini memberi penekanan terhadap Hak Kelangsungan Hidup, Hak Perlindungan, Hak Perkembangan dan Hak Penyertaan bagi kanak-kanak.

14. Kementerian dalam konteks pembangunan kanak-kanak telah memperkenalkan tiga program yang sedang dan akan dilaksanakan iaitu:

- i. **Penjagaan Berasaskan Keluarga (Family Based Care)** yang merupakan program di mana kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan ditempatkan di dalam setting keluarga berbanding penempatan kanak-kanak di institusi kebajikan.

Program ini bertujuan memberi peluang dan ruang kepada kanak-kanak untuk mendapat kasih sayang dalam persekitaran kekeluargaan.

- ii. Kita juga telah melancarkan **Sistem Semakan Pesalah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak Dalam Daftar Kanak-Kanak (e-DKK)** yang telah mula digunakan sejak 1 April 2019 yang lalu.

Sistem ini diwujudkan untuk membolehkan ibu bapa / individu / majikan yang mengambil seseorang untuk menguruskan kanak-kanak membuat semakan bagi memastikan individu tersebut tidak mempunyai sebarang rekod jenayah seksual terhadap kanak-kanak.

Sehingga Jun 2019, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menerima sebanyak 68 permohonan daripada individu dan pelbagai agensi yang melibatkan semakan dibuat terhadap 1,254 orang kakitangan dan bakal pekerja.

Saya menyeru kepada semua pihak yang berkaitan untuk menggunakan sistem ini.

- iii. **Selain itu kita juga dalam proses membangunkan Program *Diversion*** yang merupakan pendekatan alternatif untuk mengendalikan kanak-kanak yang mempunyai konflik dengan undang-undang tanpa melalui sistem keadilan sedia ada.

Projek rintis *Diversion* akan dilaksanakan pada Ogos 2019 yang melibatkan tiga buah daerah iaitu Sepang, Seremban dan Port Dickson.

Projek rintis ini dilaksanakan bagi menilai kesesuaian program, kesediaan serta kemampuan sumber yang terlibat dan memberi ruang kepada penambahbaikan program sebelum dilaksanakan ke seluruh negara.

15. Pihak JKM turut menambahbaik **Modul Pengukuhan Fardhu Ain untuk digunakan dalam institusi kanak-kanak seluruh Malaysia.**

Modul ini dibangunkan dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Penambahbaikan ini dilaksanakan untuk meningkatkan kualiti dan tahap penguasaan kanak-kanak yang beragama Islam di dalam institusi berkaitan program pengajaran dan pembelajaran Fardhu Ain.

Kita berharap dengan asas Fardhu Ain yang kukuh, mereka mampu menterjemahkannya ke dalam amali Fardhu Kifayah dalam kehidupan mereka untuk kebaikan umat sejagat.

PENUTUP DAN PERASMIAN

Hadirin yang dihormati sekalian,

16. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan Program Khalifah Junior Tahun 2019.

Semoga program ini akan dapat diteruskan penganjurannya pada tahun-tahun yang akan datang.

17. Kepada anak-anak yang saya kasihi sekalian, teruskan usaha untuk meningkatkan pengetahuan dan mendalami ajaran Islam sepenuhnya, kerana ianya merupakan bekal kepada kita untuk kembali kepada Allah Taala kelak.

18. Tidak dilupakan juga ucapan syabas dan tahniah kepada petugas-petugas institusi kanak-kanak di atas usaha memberi bimbingan, didikan dan melatih kanak-kanak bagi persiapan menyertai Program Khalifah Junior tahun 2019.

Semoga keikhlasan tuan puan melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diberikan akan diberkati Allah SWT.

DENGAN LAFAZ BISMILLAHIRAHMANIRAHIM, SAYA DENGAN SUKACITANYA MERASMIKAN PROGRAM KHALIFAH JUNIOR JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT TAHUN 2019.

Saya sudahi dengan wabillahi taufik wal hidayah, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Sekian, terima kasih.